

Oleh Mohammad
Khairil Ashraf Mohd
Khalid
khairil.ashraf@hme-
tro.com.my

Kuala Lumpur

Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Putra Malaysia (MPP UPM) melahirkan rasa kesal dengan penyebaran maklumat bersifat tuduhan dan fitnah selepas tularnya sebuah video mendakwa masjid di universiti itu dijadikan lokasi karnival ‘Mobile Legends’ selain adanya dua jenazah yang sedia untuk disolatkan semasa aktiviti itu berlangsung.

Yang Dipertua, Umar Akhtar Ab Malek berkata, dakwaan serta rakaman video yang tersebar itu tidak benar selain mengelirukan, sekali gus mencetuskan salah faham terhadap pengurusan masjid UPM serta Pusat Islam.

Katanya, ia bukan sahaja menjasakan reputasi masjid malah memberi imej negatif kepada universiti secara keseluruhan.

Menurutnya, pihaknya mengambil maklum berlaku salah faham baru-baru ini membabitkan pelaksanaan sebuah program penuntut yang dijalankan dengan kerjasama Pusat Islam UPM, yang pada asalnya dijadualkan bertempat di bilik Smart Classroom, Masjid UPM.

“Berdasarkan maklumat rasmi, penganjur sudah diberi arahan awal bahawa penggunaan ruang solat adalah tidak dibenarkan dan hanya bilik Smart Classroom boleh digunakan.

“Namun, disebabkan kekangan ruang semasa aktiviti berlangsung, lokasi dipindahkan ke kawasan luar bilik itu. Penting untuk saya nyatakan bahawa tiada sebarang jenazah berada di kawasan berkenaan sewaktu aktiviti berlangsung.

“Jenazah yang dimaksudkan hanya tiba selepas aktiviti dihentikan



GAMBAR tular peserta ketika bermain Mobile Legends.

MPP UPM KESAL VIDEO MENGELIRUKAN

‘Tiada jenazah ketika aktiviti’

aktiviti dihentikan ser-
ta-merta bagi menghor-
mati situasi itu,” katanya
pada kenyataan, kel-
marin.

Beliau me-
ngulas video
tular yang
mendakwa
Masjid UPM
dijadikan lo-
kasi karnival
Mobile Legen-
ds.

Kenyataan di vi-
deo tular itu turut men-
dakwa, terdapat dua jena-
zah yang sedia untuk di-

solatkan di dalam masjid
semasa penuntut sedang
bermain permainan terba-
bit.

Umar pada ma-
sa sama tidak
menafikan bah-
awa pengan-
jur tetap ber-
tanggungjawab disebab-
kan pelanggaran garis pan-
duan pengguna-
an ruang yang su-
dah ditetapkan.
Beliau juga menyeru se-
mu penganjur program di

kampus, khususnya mem-
babitkan lokasi sensitif se-
erti masjid, supaya sen-
tiasa mematuhi prosedur
serta garis panduan dite-
tapkan.

“Saya juga ingin mengi-
ngatkan seluruh warga
UPM serta masyarakat
supaya lebih berhati-hati
dalam menyebarkan seba-
rang kandungan ke media
sosial.

“Pastikan setiap per-
kongsian adalah berdasar-
kan fakta sahih dan bukan
bersifat tuduhan atau spe-
kulasi,” katanya.

**“
Jenazah
dimaksudkan
hanya tiba
selepas aktiviti
dihentikan
Umar Akhtar**